

24,995 orang di Pahang dipindah



Seorang penduduk mengharung banjir di Kampung Tebing Tinggi, Jerantut, Pahang, semalam. – UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILA

KUANTAN 25 Dis. - Jumlah mangsa banjir di lapan daerah di negeri ini mencatatkan penurunan sehingga pukul 6.30 petang hari ini dengan 24,995 orang membabitkan 6,556 keluarga dipindahkan di 170 pusat pemindahan.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang berkata, daerah Kuantan terus mencatatkan jumlah mangsa tertinggi iaitu 14,350 orang daripada 4,119 keluarga dengan ditempatkan di 44 pusat pemindahan.

Katanya, angka itu diikuti Jerantut melibatkan 3,067 orang daripada 679 keluarga, Maran (2,904 orang, 705 keluarga), Lipis (2,420 orang, 556 keluarga) dan Pekan (1,067 mangsa, 261 keluarga).

“Temerloh pula mencatatkan seramai 736 orang mangsa daripada 160 keluarga, Rompin (297 orang, 71 keluarga) dan Bera (154 orang, 35 keluarga),” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut jurucakap itu, beberapa laluan utama ditutup antaranya, kilometer (Km) 34 Jalan Kuantan-Marar, Km48 Jalan Kuantan-Marar, Km13 Jalan Jerantut-Lipis, Km86 Jalan Lipis-Gua Musang dan Km 91 Jalan Lipis-Merapoh.

Setakat ini, dua kematian dilaporkan berlaku akibat banjir iaitu masing-masing satu di Sungai Lembing dan Lipis.

Sementara itu, paras air Sungai Kuantan, Sungai Belat, Sungai Pandan dan beberapa lagi sungai utama di daerah ini kini menunjukkan penurunan.

Bagaimanapun, laman Facebook Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah memaklumkan, tumpuan diberikan kepada kawasan sempadan Kuantan-Pekan apabila bermula pukul 4 pagi ini paras air di Sungai Jarau, Sungai Lepar, Sungai Pahang Tua dan Sungai Soi meningkat akibat air yang datang dari hulu Sungai Pahang.

“Keadaan ini menyebabkan kawasan-kawasan rendah dan berhampiran sungai berpotensi untuk terjejas,” jelas kenyataan itu.

Dalam pada itu, laman Facebook Jabatan Meteorologi Malaysia memaklumkan amaran hujan lebat peringkat merah untuk beberapa daerah di negeri ini ditamatkan dan diturunkan kepada peringkat jingga. Menurutnya, hujan sekejap-sekejap kadang kala sederhana yang berlaku di daerah Kuantan, Pekan, Rompin dan Bera dijangka berterusan sehingga malam ini dan selepas itu cuaca dijangka beransur pulih.

- See more at: <http://www.utusan.com.my/berita/nahas-bencana/24-995-orang-di-pahang-dipindah-1.41033#sthash.noktziIs.dpuf>